



**MOHD. FAIZAL RAMLI** melepaskan seekor penyu karah berusia 15 tahun diberi nama Puteri Tanjung pada Program Pemuliharaan Biodiversiti Marin Port Dickson semalam.

- UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

# Puteri Tanjung dilepaskan untuk kajian penyu di PD

UM 2/8/2024 pg 12

**PORT DICKSON:** Seekor penyu karah berusia 15 tahun dilepaskan di perairan Tanjung Tuan di sini, semalam bagi pelaksanaan kajian berkenaan penyu khususnya di kawasan perairan pantai pelancongan ini.

Penyu karah yang diberi nama Puteri Tanjung oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Linggi merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Warisan, Teknologi, Inovasi dan Digital, Datuk Mohd Faizal Ramli itu merupakan sumbangan Pusat Penyu dan Ekosistem Ma-

rin (TUMEC), Rantau Abang, Terengganu.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, pihaknya berbesar hati apabila TUMEC melaksanakan kajian kali pertama membabitkan habitat penyu di perairan Port Dickson dan berdekatkan buat pertama kalinya dengan melepaskan penyu karah bersatelit.

“Penyu ini dilengkapi Platform Terminal Transmitters (PTTs) yang merupakan salah satu jenis alat transmitter satelit yang digunakan dalam peneli-

tian migrasi penyu dan dipasang pada karapas atau cangkerang penyu.

“PTT yang dipasang boleh bertahan sehingga dua hingga tiga tahun sebelum kehabisan bateri atau selagi tidak tertanggal,” katanya pada Program Pemuliharaan Biodiversiti Marin Port Dickson, di sini, semalam.

Pada program itu juga sebanyak 50 ekor anak ikan inggu spesies Amphiprion ocellaris yang berusia empat hingga 6 bulan bergenerasi F3 dan 1,500 ekor benih ikan siakap dilepaskan.